

Pemilihan MT UMNO hampir pasti selepas pilihan raya

UM 11 NOV 2002
KUALA LUMPUR 10 Nov. — Pemilihan Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang sepatutnya berlangsung pada tahun depan hampir pasti ditangguhkan sehingga selesai pilihan raya umum.

Seorang pemimpin kanan UMNO berkata, penangguhan itu bertujuan melicinkan proses peralihan kepimpinan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober 2003 nanti.

Tegas beliau, walaupun penangguhan itu sehingga kini belum dibincangkan dalam mesyuarat MT, hasrat Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO mengenai perkara itu Julai lalu dijangka akan diterjemahkan.

Utusan Malaysia dimaklumkan sehingga hari ini, Ibu Pejabat UMNO belum lagi mengedarkan surat pekeliling yang mengarahkan persiapan mesyuarat cawangan dan bahagian dibuat.

Kelancaran

“Sedangkan pengalaman-pengalaman lepas menunjukkan kerja-kerja ke arah itu sibuk dilakukan bermula bulan November.

“Kemungkinan akan timbul perpecahan dan macam-macam lagi jika ada pemilihan MT tahun depan dan ini sekali gus boleh menjejaskan kelancaran proses peralihan kepimpinan,” katanya hari ini.

Beliau mengulas kemungkinan pemilihan MT tahun depan akan ditangguhkan selepas Dr. Mahathir membuat kenyataan di Bangkok pada 7 Julai lalu membayangkan mengenai perkara tersebut.

Dr. Mahathir berkata, penangguhan itu bertujuan untuk mengelak timbul sebarang masalah yang boleh menjejaskan tumpuan jentera parti menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan tahun depan.

■ Lihat muka 4